

UNTUK SIARAN SEGERA

Kehidupan Yang Lebih Baik , Dunia Yang Lebih Baik

Memperkayakan pengalaman di luar kelaziman dengan Pembuat Roti Automatik Panasonic,
Pengahwa Dingin Econavi + Inverter dan TV VIERA

Genting Highlands, 23 April 2014 - Panasonic Malaysia hari ini melancarkan pelbagai produk inovatif yang menarik di bawah slogan jenama global mereka, **"A better life, a better world"**, yang bertujuan untuk memberi pelanggan solusi kehidupan yang lebih baik untuk gaya hidup yang lebih diperkaya. Sebagai peneraju utama dalam produk elektronik pengguna, Panasonic dengan bangganya memperkenalkan buat kali pertamanya jenama baru Pembuat Roti Automatik, rangkaian terkini penghawa dingin dan TV VIERA yang pasti akan menjadi keperluan isi rumah.

"A better life, a better world" adalah slogan jenama Panasonic, yang mencerminkan strategi global kami dalam menyumbang kepada masyarakat yang lebih menyeluruh dan lebih gembira di seluruh dunia. Sebagai jenama nombor satu di Malaysia, kami berusaha untuk memperkayakan kehidupan keluarga di Malaysia melalui gaya hidup mesra alam, sihat dan selesa," kata Yosuke Matsunaga, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

"Di Panasonic Malaysia, kami tidak pernah berhenti berusaha menuju ke arah kehidupan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia dengan mewujudkan solusi kehidupan yang lebih baik dan lebih mampan melalui produk kami, sama ada untuk kegunaan di rumah atau ruang industri," tambah beliau. "Model-model baru kami yang diperkenalkan hari ini penuh dengan teknologi serba canggih yang mendemonstrasikan komitmen kami untuk menyediakan produk yang setiapnya menunjukkan tumpuan kami pada kemudahan pengguna, keselesaan dan kecekapan penggunaan tenaga antara ciri-ciri yang meningkatkan kualiti hidup pelanggan kami."

Pembuat Roti Panasonic SD-P104 direka dengan program pra-tetapan penaik roti yang unik dengan sensor suhu di dalam dan di luar yang membantu untuk mencapai kualiti roti yang konsisten. Membuat roti segar dengan SD-P104 adalah semudah memasukkan kesemua bahan-bahan dan membiarkan mesin ini melakukan selebihnya. Ciri-ciri baru seperti dispenser yis secara automatik menjatuhkan yis pada masa yang optimum dengan mengesan suhu bilik dan dalaman kualiti, manakala dispenser kismis dan kacang mengeluarkan buah-buahan kering, kacang dan biji benih secara automatik dan sama rata untuk tekstur roti yang lebih baik.

SD-P104 telah diuji sesuai untuk semua peringkat kepakaran dengan kerjasama antara Panasonic Cooking dan AEON TOPVALU. TOPVALU akan memperkenalkan Tepung Organik, disyorkan sebagai paling sesuai untuk pembuat roti Panasonic dan ia boleh didapati di semua Cawangan AEON pada pertengahan Mei 2014. Produk ini selaras dengan visi Panasonic untuk menyediakan kemudahan memasak dan membakar di rumah dan memudahkan pengguna untuk menikmati roti berkhasiat dengan kualiti artisan.

Bagi rangkaian baru penghawa dingin Panasonic, kami telah mencipta penggabungan penjimatan tenaga yang sempurna dengan menggabungkan Teknologi Eco Sensor ECONAVI dan Teknologi Kawalan Intelligent Inverter Compressor yang meningkatkan pendinginan di dalam bilik dengan lebih baik, untuk keselesaan pelanggan disamping mencapai gaya hidup mesra alam.

Selaras dengan kesemua inovasi baru ini, Panasonic dengan bangganya mengumumkan pelancaran satu kategori baru tambahan, kategori Semi Deluxe Econavi, di atas rangkaian Inverter Deluxe dan Deluxe Econavi yang sedia ada. Ini meningkatkan jumlah model ECONAVI dari 10 model kepada sejumlah 14 model untuk memenuhi keperluan pengguna yang kian meningkat.

ECONAVI Eco Sensor dibahagikan kepada dua sensor utama - Sensor Aktiviti Manusia dan Sensor Cahaya Matahari. Sejurus dipasang, ia secara automatik dapat mengesan aktiviti dan keadaan persekitaran di dalam bilik dan menghantar data kepada INVERTER.

Teknologi INVERTER, yang merupakan sebahagian daripada unit Kompresor Luar, bertanggungjawab untuk menerima data dari sensor ECONAVI, yang kemudiannya mengubah kelajuan putaran kompresor untuk mengekalkan suhu bilik yang selesa, tepat dan mesra alam.

ECONAVI + INVERTER bekerjasama dengan bijak untuk memberi keselesaan pendinginan di rumah di samping membantu anda menjimatkan tenaga dan wang. Ini menggalakkan penjimatan tenaga sebanyak 65% dengan pendinginan optimum supaya pelanggan boleh menikmati keselesaan penyejukan tanpa gangguan pada bila-bila masa tanpa pembaziran. Ini membantu rakyat Malaysia memainkan peranan untuk menyelamatkan alam sekitar dengan penjimatan elektrik.

Selain daripada manfaat COOL & ECO, kami juga telah memperbaharui nanoe-G kami (unit dalam Sistem Pembersih Udara) bagi membantu menangani isu-isu pencemaran udara semasa. Dengan itu,

kami berbangga untuk mengumumkan peningkatan taraf Nanoe-G yang berkesan untuk membuang partikel jerebu atau lebih dikenali sebagai PM 2.5 (Particulate Matter 2.5). Dengan peningkatan tambahan ini, pelanggan kami boleh menikmati kualiti udara yang lebih baik dalam ruang hidup mereka.

Untuk 2014, Panasonic telah mengumumkan kategori TV baru yang dikenali sebagai Life + Screen yang melangkah jauh dari "TV Pintar dan dengan bangganya memperkenalkan 23 model TV yang terdiri daripada 65" dan 85" TV 4K.

TV Pintar Konvensional meningkatkan kepelbagaian kandungan yang boleh didapati dengan penyambungan kepada Internet. Fungsi-fungsi dan operasinya, bagaimanapun, jauh lebih rumit, sehingga sukar bagi penonton untuk melihat kandungan yang dikehendaki.

Life + Screen Panasonic menyelesaikan masalah ini untuk para pengguna. Pengguna tidak perlu menyesuaikan diri dengan TV ini, sebaliknya TV ini yang menyesuaikan dirinya untuk keperluan pengguna. "Pada saya TV perlu bersifat mudah untuk digunakan. Life + Screen telah dicipta dari sudut pandangan pengguna dan meninggalkan TV pintar yang sukar digunakan jauh di belakang", kata Matsunaga .

Untuk melayari dengan lancar, ciri My Stream membawa pelbagai kandungan luas, sama ada kandungan HDD, penanda laman, video atas talian, melalui antara muka pengguna yang intuitif, manakala pembaikan ciri Skrin Utama membolehkan pengguna untuk mendaftar dan memperibadikan aplikasi kegemaran mereka dan kandungan untuk akses mudah. Untuk pelayaran yang lebih peribadi, Skrin Utama kini datang dengan 'My Food Screen' yang memaparkan pengisi masa lapang kegemaran rakyat Malaysia. Aplikasi ini datang dengan konfigurasi pratetap Open Rice, Try Masak dan IM Food Lover yang menawarkan direktori restoran tempatan, resipi-resipi dan pentas sosial untuk pengguna melihat dan bersosial dengan orang lain. Ciri-ciri penyesuaian ini hanya dibuat oleh Panasonic, iaitu di Malaysia sahaja.

Berpegang teguh kepada warisan yang memberi fokus kepada pengguna untuk produk dan aktiviti-aktiviti mereka, kedatangan ketiga-tiga produk hari ini merangkumi visi Panasonic untuk melengkapkan orang ramai dengan produk yang maju dan senang digunakan, yang mempertingkatkan slogan **"A better life, a better world"**. Melalui produk-produk yang inovatif, Panasonic bercita-cita untuk mewujudkan rumah yang lebih sihat dan selesa manakala usaha dalam penyelesaian tenaga mampan menyumbang kepada, dunia yang lebih baik dan mampan.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Media Contact: Mazlee Mokhtar
Senior Executive, Corporate Communications & Branding
Marketing Innovation Department
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com